

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)9**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

9. Nyatakan status projek pembinaan kubur Cina di Bukit Indera Muda.
- (a) Apakah kajian kesan banjir telah dilakukan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Lot 263, 283, 729, 731 dan sebahagian Lot 922 yang terletak di Mukim 3, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang adalah merupakan hak milik Persatuan Keturunan Guandong Seberang Perai Pulau Pinang. Lot-lot tersebut mempunyai keluasan keseluruhan sebanyak 12,572.93 meter persegi yang dicadangkan untuk pembinaan kolumbarium, plot kubur bersama kemudahan-kemudahan asas lain seperti tempat parkir kereta, jalan dan sebagainya. Tapak yang dicadangkan ini terletak di dalam Parlimen Permatang Pauh dan kawasan Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir. Keadaan guna tanah semasa tapak cadangan adalah tanah kosong dan berdekatan dengan perkuburan Cina sedia ada.

Permohonan pelingkungan telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bilangan 4/2024 tetapi permohonan Kebenaran Merancang masih belum dikemukakan oleh perunding Green Acres Studio Sdn. Bhd. bagi pihak Persatuan Keturunan Guandong Seberang Perai Pulau Pinang kepada MBSP.

- (a) Bagi menjawab persoalan keperluan kajian kesan banjir di kawasan tersebut pula, pihak MBSP berpandangan bahawa tiada keperluan untuk melakukan kajian banjir di kawasan terbabit kerana kawasan yang dicadangkan bagi pembangunan projek pembinaan adalah merupakan kawasan yang mempunyai ciri ketelapan yang tinggi. Walau bagaimanapun, MBSP tetap mengambil inisiatif untuk mensyaratkan pemaju menjalankan kajian hidraulik terperinci bagi menentukan kapasiti dan saiz parit serta kolam dalam pelan jalan dan parit. Semua hasil kajian perlu dimasukkan ke dalam pelan yang akan disemak oleh MBSP untuk memastikan pematuhan kepada syarat dan keperluan teknikal, bagi mengelakkan sebarang isu banjir pada masa hadapan.